



**MARAN**  
BANDAR SEJAHTERA

# PROGRAM LA21

**TAMAN AWAH PERMAI  
TAMAN TASIK JENKA  
ARENA YAM TG MUDA**



**LOKASI ::**

Majlis Daerah Maran, 26500 Maran  
Pahang Darul Makmur



**TELEFON ::**  
+609-4771411



**FAX ::**  
+609-4771511



**PORTAL RASMI ::**  
[www.mdmaran.gov.my](http://www.mdmaran.gov.my)



**FACEBOOK ::**  
Majlis Daerah Maran



**EMEL ::**  
[aduan@mdmaran.gov.my](mailto:aduan@mdmaran.gov.my)



**TWITTER ::**  
MDMaran



**YOUTUBE CHANNEL ::**  
Majlis Daerah Maran

**BULETIN**  
MARAN SEJAHTERA

**EDISI 1**

**2023**



## KELAB KEBAJIKAN

### MESYUARAT AGUNG

### JOM SIHAT

### PENYERAHAN KURMA

### SUMBANGAN DUIT RAYA

### MAJLIS KHATAM ALQURAN

### 10,000 LANGKAH

### PERTANDINGAN MEMANCI

# PENYAMPAIAN SUMBANGAN DUIT RAYA BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN MDM

27 JUN 2023

Penyampaian Sumbangan Duit Raya dari Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja Majlis Daerah Maran (BAKEP) telah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Maran YH Dato' Sharuddin bin Jali kepada semua ketua jabatan/bahagian/unit Majlis Daerah Maran pada 27 Jun 2023 (Selasa).



## MESYUARAT PENUH MAJLIS DAERAH MARAN



# PERASMIAN PASARAYA BS FRESHMART & BAKUL RAHMAH

25 JUN 2023

Majlis Perasmian Pasaraya BS Freshmart dan Jualan Rahmah telah diadakan pada 25 Jun 2023 (Ahad) bertempat di Bandar Tun Abdul Razak Jengka.



## KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN AM



# PROGRAM GERAKAN RAHMAH

24 JUN 2023

Program Gerak Rahmah 2023 : Jom Bersih dan Indah telah diadakan di Pusat Rekreasi Air Terjun Teladas 7, Maran



## PENEBANGAN POKOK JENGA 2

19 DISEMBER 2023

Kerja gotong-royong menebang pokok di sekitar Sekolah Kebangsaan Jengka Pusat 2 telah dilaksanakan oleh Bahagian Perbandaran Majlis Daerah Maran yang turut sama dibantu oleh pihak Bomba, JPAM dan Alam Flora serta pengurusan Sk Jengka Pusat 2 Encik Yasin bin Maarof



# PROGRAM LA 21 : TAMAN AWAH PERMAI

13 JUN 2023



# KURSUS PENGENALAN MYPERFORMANCE

12 JUN 2023

Sebahagian kakitangan Majlis Daerah Maran telah menyertai kursus MyPerformance (HRMIS) secara atas talian yang dianjurkan oleh Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



## PENYERAHAN BUBUR LAMBUK

19 APRIL 2023

Penyerahan bubur lambuk telah disampaikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Maran YH Dato' Sharuddin bin Jali dan diiringi Pengerusi BAKEP Encik Haziq bin Redzwan kepada semua Ahli Majlis dan Ahli Turut Hadir Majlis Daerah Maran. Terima kasih diucapkan kepada kakitangan MDM yang telah menyediakan bubur lambuk ini.



# PROGRAM LOCAL AGENDA 21 [LA21]

31 MEI 2023

31 Mei 2023 - Program Local Agenda 21 [LA 21] telah diadakan di Taman Tasik Jengka. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti aktiviti penanaman pokok, balingan mudball, pelepasan anak ikan dan juga penyerahan anak-anak pokok kepada KRT yang berada disekitar Bandar Jengka



# PROGRAM KEMAMPAHAN KOMUNITI BANDAR MEI 2023

Program Kemampuan Komuniti Bandar : Komuniti Ceria Maran Sejahtera telah diadakan di Arena YAM Tengku Muda Pahang. Pelbagai program dianjurkan seperti *FunRun*, pertandingan mewarna, mengecat divider, penanaman pokok dan ceramah dari pihak Bomba, SWCorp dan juga PDRM







## MAJLIS KHATAM AL-QURAN 17 APRIL 2023

Badan Kebajikan dan Sukan MDM (BAKEP) telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang melibatkan semua peserta khatam Al-Quran pada sesi Ramadan tahun ini.



## PENYAMPAIAN DUIT HARI RAYA OLEH BAKEP

17 APRIL 2023

Program Penyerahan Duit Raya oleh Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja BAKEP Majlis Daerah Maran. Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Maran YH Dato' Sharuddin bin Jali diiringi oleh Setiausaha Puan Sr. Mazaitun Hani binti Zainon.



## EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN HARTANAH

14 APRIL 2023

'Exit conference' pengauditan hartanah komersial majlis daerah maran yang telah dipengerusikan oleh Cik Badariah Bt Abas Timbalan Pengarah Audit Negeri Pahang.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TEKNIKAL BIL. 2/2023

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Bil. 2/2023 Peringkat Draf Akhir Rancangan Tempatan Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian)

Kuantan, 13 April - Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian) telah diadakan pada 13 April 2023 di Bilik Mesyuarat Anggerik, Tingkat 13 Kompleks Tun Razak, Kuantan, Pahang.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. TPr Nik Noraisu binti Nik Ibrahim, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang, PLANMalaysia@Pahang. Turut hadir YH. Dato' Sharuddin bin Jali, Yang Dipertua Majlis Daerah Maran selaku pengerusi bersama Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian). Seramai 40 orang wakil daripada jabatan dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri telah menghadiri mesyuarat tersebut.



Mesyuarat ini bertujuan untuk meneliti dan menimbang Draf Akhir Rancangan Tempatan yang telah disediakan oleh pasukan perunding dan seterusnya untuk mendapatkan kelulusan Peringkat Draf Akhir Rancangan Tempatan. Sehubungan itu, jawatankuasa telah meluluskan dengan beberapa pindaan dan meminta pihak perunding membuat pindaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat ini bersidang sebelum diperakukan bagi tujuan pembayaran yuran perkhidmatan perunding.

Di peringkat ini, perunding telah membentangkan hasil daripada ketiga-tiga Draf Laporan iaitu Draf Laporan Jilid I (Strategi dan Cadangan Pembangunan), Draf Laporan Jilid II

(Kawasan Perancangan dan Garis Panduan Pembangunan) serta Draf Laporan Jilid III (Pengurusan Risiko Bencana dan Pengukuran Indikator SDG's).

# SUMBANGAN DUIT RAYA KOPERASI KAKITANGAN MAJLIS DAERAH MARAN

13 APRIL 2023



## SESI KLINIK SISTEM EPBT SIRI 2

10 April 2023 (Isnin) telah diadakan Sesi Klinik Sistem ePBT kepada semua wakil jabatan/bahagian/unit Majlis Daerah Maran yang merupakan pengguna sistem. Tujuan sesi tersebut diadakan adalah untuk memantau dan memastikan penggunaan sistem adalah pada tahap yg optimum disamping membincangkan masalah dan cadangan penambahbaikan yang diperlukan. Disamping itu, informasi terkini yang berkaitan dengan sistem ePBT juga turut disampaikan iaitu berkaitan penggunaan Portal pembayaran PBTPAY dan juga terbaharu yang akan dilaksanakan adalah eLesen dimana pelanggan boleh memohon/memperbaharui lesen secara atas talian sahaja.



5 APRIL 2023

Majlis pelancaran 'walkabout' kempen keselamatan makanan di Bazar Ramadan peringkat Daerah Maran 2023 bertempat di Dataran Indera Pahlawan, Chenor.

Kredit gambar : Bahagian Pelesenan & Bahagian Penguatkuasaan MDM

## KEMPEN PELANCARAN WALKABOUT KEMPEN KESELAMATAN MAKANAN



## PEMERIKSAAN BAZAR RAMADHAN JENGA

29 MAC 2023



Pemeriksaan Bazar Ramadhan Jengka oleh Penguatkuasa Majlis Daerah Maran dan Pejabat Kesihatan Daerah Maran telah diadakan pada 27/3/2023

Kredit gambar : Pejabat Cawangan Jengka





## PENYERAHAN KURMA SEMPENA RAMADAN

21 MAC 2023

BAKEP MDM telah mengadakan Majlis Penyerahan Kurma sempena menyambut bulan Ramadan. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Setiausaha MDM Pn Sr. Mazaitun Hani binti Zainon kepada wakil jabatan/bahagian dan unit di Majlis Daerah Maran.

## PROGRAM 10,000 LANGKAH

20 MAC 2023

Kakitangan Majlis Daerah Maran telah menyertai Program Zumba Fitness dan 10,000 langkah telah dianjurkan oleh Klinik Kesihatan Maran pada 17 Mac 2023 (Jumaat) bertempat di Perkarangan Fisioterapi Klinik Kesihatan Maran.

Terima kasih kepada urusetia diatas penganjuran program tersebut.

*Kredit gambar : Jabatan Kejuruteraan, MDMaran*





## TAKLIMAT BAZAR RAMADAN JENGA

16 MAC 2023

Taklimat Bazar Ramadan dan pengundian tapak bagi lokasi Bandar Jengka telah diadakan di Dewan Balora Mastika.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh wakil PAID, PKDM dan SWCORP

*Kredit Gambar : Pejabat MDMaran Cawangan Jengka*



## KURSUS PENYEDIAAN MINIT MESYUARAT

15 MAC 2023

Kursus Penyediaan Minit Mesyuarat Berkualiti telah diadakan Bilik Mesyuarat Utama, MDM. Jabatan Khidmat Pengurusan MDM telah menganjurkan kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan terlibat berkaitan penulisan minit mesyuarat berkualiti.

Pihak jabatan telah menjemput wakil daripada AADK Selangor, Pn. Nor Liyana bt Mohd Bakti untuk menyampaikan kursus ini. Beliau merupakan Munsyi Muda Bahasa Sektor Perkhidmatan Awam yang dilantik Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2019.

*Kredit gambar : Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Maran*





## MAJLIS MENANDATANGANI MOU 23 FEBRUARI 2023

Majlis menandatangani MOU projek penukaran struktur lampu jalan sediaada kpd struktur telekomunikasi dwifungsi antara MDM dan HRSB holding S.B.  
Mahkota Golf Country Club, Kuantan

15 MAC 2023

## PERTANDINGAN MEMANCI

Makluman..pengunjung tidak dibenarkan memancing bermula 23/2/23 hingga 26/2/2023 bagi memberi laluan kepada pertandingan memancing taman tasik maran yg akan diadakan pada 26/2/2023



## KERJA PEMANGKASAN POKOK





## MESYUARAT AGUNG BAKEP 2023

11 FEBRUARI 2023

Mesyuarat Agung Badan Kebajikan dan Sukan Pekerja (BAKEP) Majlis Daerah Maran tahun 2023 telah diadakan pada 10 Februari 2023, jam 3.00 petang bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Maran.

*Kredit gambar : Biro Multimedia BAKEP*



## BUAL BICARA BERSAMA STAF BAHAGIAN LANSKAP MDM

18 JUN 2023

Tajuk : Bual Mesra Bersama Pn. Setiausaha dan Unit Landskap Berkaitan Perancangan Landskap

Tarikh : 18.01.2023

Masa : 3:00 Petang

Lokasi : Bilik Mesyuarat Utama, MDM

*Kredit gambar : Jabatan Perancang Bandar & Desa MDMaran*



# LAMAN HERBA MDMARAN 2023

8 FEBRUARI 2023



# PELANCARAN PROGRAM JOM SIHAT 2023

8 FEBRUARI 2023





## **KLINIK SISTEM EPBT**

**25 JANUARI 2023**

Tarikh : 25 Januari 2023 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat MDMaran

Bahagian Sistem Maklumat Majlis Daerah Maran telah menganjurkan Klinik Sistem ePBT kepada pengguna dalaman sistem tersebut bagi mengenalpasti masalah<sup>2</sup> yang tertunggak disamping menerangkan semula secara ringkas berkaitan perjalanan sistem ePBT sebagai 'refreshment'.

*Sumber : Bahagian Sistem Maklumat*



## **KURSUS PENGEMASKINIAN PORTAL EJKT**

**20 JANUARI 2023**

Kursus yang melibatkan semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit di Majlis Daerah Maran. Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan Portal eJKT sekaligus melaksanakan tugas pengemaskinian data asas yang diperlukan.

Kredit gambar & kursus anjuran Bahagian Sistem Maklumat MDMaran.





## MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TEKNIKAL

31 JANUARI 2023

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Bil. 1/2023 Peringkat Draf Awal Rancangan Tempatan Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian)

Maran, 30 Januari - Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Kajian Rancangan Tempatan Majlis Daerah Maran, Pahang 2035 (Penggantian) telah diadakan pada 30 Januari 2023 di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Maran.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YH. Dato' Sharuddin Bin Jali, Yang Dipertua Majlis Daerah Maran. Seramai 40 orang wakil daripada jabatan dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Mesyuarat ini bertujuan untuk meneliti dan menimbang Draf Awal Rancangan Tempatan yang telah disediakan oleh pasukan perunding dan seterusnya untuk mendapatkan kelulusan Peringkat Draf Awal Rancangan Tempatan. Sehubungan itu, jawatankuasa telah meluluskan dengan beberapa pindaan dan meminta pihak perunding membuat pindaan dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat ini bersidang sebelum diperakukan bagi tujuan pembayaran yuran perkhidmatan perunding.

Peringkat seterusnya adalah penyediaan Draf Akhir Rancangan Tempatan merangkumi pembentukan Peta Cadangan Gunatanah dan Kelas Kegunaan Tanah serta garis panduan pembangunan umum dan khusus.



## PEMILIHAN GOLF MAKSAK PAHANG 2023

Pemilihan Golf MAKSAK Pahang 2023 telah berlangsung di Kelab Golf Diraja Pekan.

Kredit Gambar : Encik Rosli Roslan (Jbten Kejuruteraan)



## PERJUMPAAN YDP BERSAMA KAKITANGAN KONTRAK

